

UDA, UMP rancang bina bandar universiti

UTUSAN MALAYSIA (TINGGAP) 14 JUN 2017 (RABU) M/S 30
PEKAN 13 Jun - UDA Holdings Berhad (UDA) dan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** bakal menjalin kerjasama lebih erat dalam masa terdekat apabila merancang melaksanakan pembangunan berkonsepkan bandar univeristi di sekitar kampus UMP di sini untuk manfaat warga universiti itu serta masyarakat setempat.

Pengerusi UDA, Datuk Seri Dr. Mohd. Shafei Abdullah berkata, perancangan tersebut adalah cetusan idea antara syarikat pema-ju hartanah berkenaan dengan UMP berikutan pemilihan tanah berkeluasan 207 hektar berhampiran universiti itu.

Daripada jumlah keseluruhan tanah berkenaan, kata beliau, kawasan seluas kira-kira 59 hektar akan dibangunkan UDA dengan pembinaan 1,500 unit rumah mampu milik menerusi pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).

“Kawasan selebihnya pula akan dibangunkan dengan projek

pembangunan bercampur anta-ranya melibatkan pembinaan rumah banglo dan semi D yang dirancang dalam tempoh lima ta-hun akan datang.

“Projek ini apabila siap kelak bakal memberi manfaat kepada warga UMP dalam mencari keselesaan dan kemudahan terutama tempat tinggal yang lebih dekat dengan tempat kerja,” katanya dalam sidang akhbar selepas program Indahnya Ramadhan di UMP Kampus Pekan di sini semalam.

Yang hadir sama Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengerah Urusan UDA, Datuk Ahmad Abu Bakar.

Sempena majlis terbuka pua-sa bersama warga UMP itu, penyampaian sumbangan kepada keluarga asnaf di sekitar Kuala Pahang turut diadakan bagi meringankan beban golongan berke-naan menyambut Hari raya Aidil-fitri yang bakal tiba.

Menurut Mohd. Shafei, pem-bangunan berkonsepkan bandar

universiti itu merupakan peran-cangan awal kerana UMP Pekan akan menjadi tarikan pada masa akan datang.

“Kita akan merancang secara bersama dengan UMP bagaimana untuk membina pembangunan sebagai satu konsep bandar universiti. Malaysia kini ada bandar tetapi tidak dikaitkan secara lang-sung dengan universiti sepertima-na di negara luar,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, penganjuran UDA Pekan Bridge Run 2017 pada 22 Julai ini mem-perkenalkan kategori baharu 21 kilometer bagi menarik penyertaan mereka yang mahu lebih cabaran.

Kata beliau, acara larian itu yang diperkenalkan buat julung kali pada tahun lalu turut meli-batkan kategori tiga dan lapan kilometer.

“Setakat ini, 5,000 peserta telah mendaftar untuk menyertai acara larian ini dan kita turut menerima penyertaan bagi kategori antarabangsa,” katanya.



MOHD. SHAFEI ABDULLAH (berdiri lapan dari kanan) bergambar kenangan selepas menyampaikan sumbangan dalam program Indahnya Ramadhan UDA-UMP di UMP Pekan, Pahang, semalam.